



GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENUBUHAN/ PENSTRUKTURAN/ PENJENAMAAN DAN PENAIKTARAFAN ENTITI AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

[Kelulusan Mesyuarat Senat Kali Ke-163 (Bil. 3 Tahun 2023)]

Jabatan Governan dan Pengurusan Perkhidmatan
Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu

Isi Kandungan

	Halaman
1. Pengenalan	1
2. Tafsiran	1
3. Kriteria Asas Penubuhan Entiti Akademik	
3.1 Fakulti	1
3.2 Institut	2
3.3 Pusat	3
3.4 Sekolah/Akademi	4
4. Format Permohonan Penubuhan/ Penstrukturan/ Penjenamaan/ Penaiktarafan Entiti Akademik	5
5. Carta Alir Penubuhan Entiti Akademik	7
6. Jawatankuasa Pengajian UMT	8
7. Pemakaian	9
8. Pengecualian	9
9. Perhubungan/ Pertanyaan	9
Rujukan	10

GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PENUBUHAN/ PENSTRUKTURAN/ PENJENAMAAN DAN PENAIKTARAFAN ENTITI AKADEMIK

1. Pengenalan

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan dalam penubuhan, penstrukturan, penjenamaan atau penaiktarafan sesuatu entiti akademik bagi memastikan pelaksanaan yang lebih teratur dan bersistematik.

2. Tafsiran

“Entiti Akademik” merujuk kepada Fakulti, Pusat, Sekolah, Akademi dan Institut yang menawarkan program prasiswazah dan/atau pascasiswazah dan/atau perkhidmatan yang menyokong fungsi utama Universiti.

“Penubuhan” merujuk kepada penubuhan entiti akademik baharu berdasarkan keperluan strategik Universiti dalam menawarkan sesuatu program akademik baharu atau sedia ada atau perkhidmatan yang menyokong fungsi utama Universiti di semua peringkat pengajian.

“Penstrukturan” merujuk kepada penggabungan atau pengasingan dua atau lebih entiti akademik dalam penawaran program akademik atau perkhidmatan yang menyokong fungsi utama Universiti sama ada mempunyai implikasi sumber atau tidak.

“Penjenamaan” merujuk kepada penamaan semula dan penambahbaikan skop entiti akademik sedia ada.

“Penaiktarafan” merujuk kepada penaiktarafan pusat perkhidmatan kepada entiti akademik.

3. Kriteria asas penubuhan Entiti Akademik

Berikut adalah kriteria asas penubuhan entiti akademik:

3.1 Fakulti

Definisi	Fakulti adalah merujuk kepada entiti akademik yang menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan, penerbitan serta pengembangan dan pemindahan ilmu di peringkat universiti dan diketuai oleh seorang Dekan.
----------	--

Peranan	a) menawarkan program pengajian berkualiti dan berfokus di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah, program antarabangsa dan program kontinuum; b) membangun dan mengukuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, memastikan kerelevanan program pengajian dan membangunkan program berimpak tinggi; c) menjalan dan menguruskan penyelidikan dan penerbitan untuk tujuan pengembangan kepakaran ilmu dalam bidang yang berkaitan dengan Fakulti; d) menjalankan program pemindahan ilmu; dan e) membangunkan bakat akademik.
Kriteria Penubuhan	a) Berdasarkan bidang yang dinyatakan dalam Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) 2007; b) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) program pengajian prasiswazah; dan c) Mempunyai sekurang-kurangnya 800 orang pelajar prasiswazah.

3.2 Institut

Definisi	Institut adalah merujuk kepada entiti akademik yang menjalankan aktiviti penyelidikan, pengajaran atau perkhidmatan terfokus mengikut disiplin tertentu atau multi-disiplin yang merentasi semua fakulti di peringkat universiti dan diketuai oleh seorang Pengarah.
Peranan	a) Menawarkan program pengajian peringkat pascasiswazah yang menjurus kepada bidang penyelidikan universiti; b) Menerajui suatu bidang penyelidikan atau perkhidmatan terfokus; c) Memberi khidmat kepakaran melalui perundingan, kursus jangka masa pendek, khidmat masyarakat dan lain-lain yang sesuai; d) Mendapatkan dana penyelidikan atau perkhidmatan terfokus; e) menjalankan program pemindahan ilmu; dan f) Lain-lain fungsi yang bersesuaian.
Kriteria Penubuhan	a) Berdasarkan bidang yang dinyatakan dalam Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) 2007;

	b) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) program pascasiswazah secara penyelidikan atau mod campuran; c) Tumpuan utama aktiviti adalah penyelidikan di samping pengajaran; d) Mempunyai kumpulan penyelidik yang terdiri daripada sekurang-kurangnya empat (4) orang staf akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang diterajui; e) Mempunyai kemudahan penyelidikan/ perkhidmatan sedia ada yang mencukupi; f) Berupaya menjana pendapatan sendiri sama ada melalui geran penyelidikan, pengkomersialan atau kerja-kerja perundingan; dan g) Mempunyai jaringan kerjasama dengan agensi luar sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang signifikan.
--	--

3.3 Pusat

Definisi	Pusat adalah merujuk kepada entiti akademik yang ditubuhkan khusus dalam menyokong fungsi utama universiti sama ada pengajaran, penyelidikan, khidmat masyarakat atau khidmat sokongan kepada pelajar dan diketuai oleh seorang Pengarah/Dekan.
Peranan	a) Memberi perkhidmatan yang khusus dalam menyokong fungsi utama Universiti sama ada dari segi pengajaran, penyelidikan, khidmat masyarakat atau khidmat sokongan; b) Menawarkan program di peringkat Diploma, Sarjana Muda dan pascasiswazah melalui penyelidikan; c) Memberi khidmat kepakaran melalui perundingan, kursus jangka masa pendek, khidmat masyarakat dan lain-lain yang sesuai; d) menjalankan program pemindahan ilmu; dan e) Lain-lain fungsi yang bersesuaian.
Kriteria Penubuhan	a) Berdasarkan bidang yang dinyatakan dalam Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) 2007; b) Tumpuan utama aktiviti adalah pengajaran di samping penyelidikan; dan

	c) Mempunyai kepakaran yang boleh memberi perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan berterusan.
--	---

3.4 Sekolah/Akademi

Definisi	Sekolah/Akademi adalah merujuk kepada entiti akademik yang ditubuhkan khusus untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terfokus dan diketuai oleh seorang Dekan.
Peranan	a) Memberi khidmat kepakaran yang khusus untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terfokus yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti; dan b) Lain-lain fungsi yang bersesuaian.
Kriteria Penubuhan	a) Berdasarkan bidang yang dinyatakan dalam Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) 2007; b) Tumpuan utama aktiviti adalah pengajaran di samping penyelidikan; c) Berupaya menjana pendapatan melalui penawaran program pengajian dan kursus jangka masa pendek; dan d) Mempunyai kepakaran yang boleh memberi perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan berterusan.

4. Format Permohonan Penubuhan/ Penstrukturan/ Penjenamaan/ Penaiktarafan Entiti Akademik


Fakulti/ Institut/ Pusat/ Sekolah/ Akademi perlu mengisi format permohonan Penubuhan/ Penstrukturan/ Penjenamaan/ Penaiktarafan Entiti Akademik seperti yang telah ditetapkan seperti berikut:

1.	Universiti	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
2.	Tujuan	<i>Nyatakan dengan ringkas tujuan kertas kerja</i>
3.	Nama entiti akademik yang dimohon	<i>Nyatakan nama penuh fakulti, sekolah, pusat, akademik dan institusi yang dimohon</i>
4.	Objektif penubuhan/ penstrukturan/ penjenamaan dan penaiktarafan fakulti,	<i>Nyatakan objektif penubuhan/ penstrukturan/ penjenamaan dan penaiktarafan fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institusi</i>

	sekolah, pusat, akademi dan institusi	
5.	Justifikasi penubuhan/ penstrukturan/ penjenamaan dan penaiktarafan fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institusi	<i>Nyatakan latar belakang dan justifikasi penubuhan/ penstrukturan/ penjenamaan dan penaiktarafan fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institusi</i>
6.	Struktur organisasi	<i>a) Sertakan struktur organisasi dan fungsi entiti akademik yang ingin ditubuhkan atau distruktur semula (bagi penstrukturan semula, sertakan perbandingan struktur organisasi dan fungsi yang sedia ada dan yang baharu).</i> <i>b) Nyatakan juga hubung kait di antara entiti akademik baharu/ distruktur</i>
7.	Kepakaran staf akademik	<i>Senaraikan staf akademik mengikut bidang kepakaran</i>
8.	Penawaran program	<i>Senaraikan program yang sedang atau akan ditawarkan mengikut peringkat pengajian Diploma, Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran.</i>
9.	Tahun penubuhan/ penstrukturan/ penjenamaan dan penaiktarafan fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institusi	<i>Nyatakan tahun ditubuhkan/ distruktur/ dijenamakan/ dinaiktarafkan</i>
10.	Strategi pelaksanaan	<i>Nyatakan strategi pelaksanaan (mengikut fasa) berikut:</i> <i>a) Halatuju penubuhan/ penstrukturan semula entiti akademik untuk tempoh lima tahun.</i> <i>b) Kelestarian entiti akademik dan program akademik.</i>
11.	Penandaarasan dengan Universiti dalam dan luar negara	<i>Nyatakan kajian penandaarasan dengan Universiti dalam dan luar negara yang telah dilaksanakan</i>

12.	Unjuran pelajar	<i>Nyatakan unjuran pelajar dari segi bilangan pengambilan, enrolmen dan keluaran (graduan) untuk tempoh lima tahun.</i>
13.	Implikasi staf, fizikal dan kewangan	<i>Implikasi Staf</i> <i>a) Senaraikan staf akademik/ pentadbiran/ teknikal/ sokongan bagi tempoh lima tahun.</i> <i>b) Implikasi Fizikal</i> <i>c) Senaraikan kemudahan sedia ada dan keperluan ruang pejabat, makmal, dewan kuliah/ tutorial dan lain-lain bagi tempoh lima tahun.</i> <i>d) Implikasi Kewangan</i> <i>e) Nyatakan keperluan peruntukan kewangan seperti bajet mengurus bagi tempoh lima tahun.</i>
14.	Kajian risiko	<i>Nyatakan kajian risiko berdasarkan cadangan penubuhan/ penstrukturan/ penjenamaan dan penaiktarafan entiti akademik</i>
15.	Tarikh entiti akademik diluluskan	<i>Nyatakan tarikh entiti akademik diluluskan di peringkat UA</i> <i>a) Senat</i> <i>b) Lembaga Pengarah Universiti</i>
16.	Syor	<i>Nyatakan syor ke atas cadangan penubuhan/ penstrukturan/ penjenamaan dan penaiktarafan fakulti, sekolah, pusat, akademi dan institusi untuk pertimbangan kelulusan atau pemakluman kepada JPT</i>

5. Carta Alir Penubuhan Entiti Akademik



6. Jawatankuasa Pengajian UMT

Semua permohonan bagi tujuan penubuhan, penstrukturan, penjenamaan atau penaiktarafan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengajian UMT sebelum di bawa untuk kelulusan Senat dan Lembaga Pengarah Universiti. Terma Rujukan Jawatankuasa Pengajian yang telah ditetapkan oleh Senat berdasarkan Seksyen 25, Perlembagaan UMT adalah seperti berikut:

a) Keanggotaan jawatankuasa:

Pengerusi	: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Ahli	: Dekan Fakulti/Pusat Pendidikan
	: Pengarah Institut
	: Pengarah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik
	: Pengarah Pusat Transformasi, Pengurusan Strategik dan Risiko (TSR)
	: Pengarah Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti
	: Pegawai Undang-Undang
Setiausaha	: Pendaftar
Urusetia	: Seksyen Governan, Pejabat Pendaftar

** Tempoh pelantikan bagi Pengerusi dan ahli dalam jawatankuasa ini adalah mengikut selama mana jawatan disandang.*

b) Fungsi Jawatankuasa:

- i. membantu Senat untuk menubuhkan, mengubah suai dan membatalkan mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut;
- ii. untuk menguruskan perkara mengenai mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang baharu;
- iii. membuat semakan dan keperluan untuk pelaksanaan penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut berdasarkan peraturan dan governan Universiti;
- iv. menetapkan kriteria asas dan panduan untuk penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang baharu;
- v. memperaku cadangan penstrukturan atau penjenamaan semula atau penaiktarafan yang melibatkan penggabungan atau pengasingan dua atau lebih entiti akademik dalam penawaran program akademik sama ada yang mempunyai implikasi sumber atau tidak; dan
- vi. untuk menangani apa-apa isu akademik dan penyelidikan di Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut.

c) Tatakelola Jawatankuasa:

- i. Mesyuarat diadakan mengikut keperluan.
- ii. Korum untuk mengadakan mesyuarat adalah sekurang-kurangnya 1/3 daripada jumlah keseluruhan ahli termasuk Pengerusi.

- iii. Mesyuarat boleh menjemput mana-mana individu untuk membantu membuat keputusan bagi perkara-perkara tertentu yang dibincangkan. Pegawai yang diundang tidak membentuk korum dan akan dicatat sebagai Ahli Turut Hadir.

7. Pemakaian

Tarikh kuat kuasa pemakaian garis panduan ini adalah pada ia diluluskan oleh Senat UMT.

8. Pengecualian

Walau apa pun syarat dan kriteria asas penubuhan entiti akademik yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini, Jawatankuasa berhak membuat pindaan atau membatalkan mana-mana terma tertakluk kepada peraturan atau polisi Universiti dari semasa ke semasa.

9. Perhubungan/Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berhubung Garis Panduan ini boleh menghubungi bahagian berikut:

Jabatan Governan dan Pengurusan Perkhidmatan
Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu
09-668 4447/ 4133
governan@umt.edu.my

Rujukan:

1. Garis Panduan Permohonan Kelulusan Penubuhan/ Penstrukturan/ Penjenamaan dan Penaiktarafan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institusi
2. Statut Universiti Malaysia Terengganu (Fakulti) 2022
3. Statut Universiti Malaysia Terengganu (Institut) 2022
4. Statut Universiti Malaysia Terengganu (Jawatankuasa Pengajian) 2022